

Memiliki TV & Lain-Lain
Alat Elektrik Cara Mudah

SYARIKAT GREAT WALL TV &
ELECTRICAL COMPANY.
303, Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

EDWIN



Sidek Hussein dan Umi Kalthum pelakon utama terbaik '77

KUALA LUMPUR 8 April — Sidek Hussein dan Umi Kalthum masing-masing berjaya memenangi gelaran 'Pelakon Utama Lelaki dan Wanita Terbaik 1977' yang diumumkan sempena Malam Sri Angkasa malam ini.

Sidek dipilih kerana perannya sebagai 'Po-yeng' dalam drama Menara Condong sementara Umi Kalthum kerana wataknya sebagai ibu dalam drama Pulang,

kedua-duanya ditayangkan dalam rancangan Drama Minggu Ini TV Malaysia.

Pengumuman ini berlangsung di Auditorium Besar, Angkasapuri dan dipancarkan terus menerusi melalui TV Malaysia ke seluruh negara.

Pelakon kanak-kanak terbaik dimenangi oleh Iskandar Dzulkarnain Nordin kerana lakonannya dalam drama TV Titik-Titik Hujan.

Hadiah Sri Pang-gung pertama telah dimenangi oleh Helan Abu kerana drama 'Pencang' dan Roslee Jalil memenangi hadiah kedua bahagian tersebut kerana drama penerbitannya 'Janji'.

Dalam kategori 'Pelakon Pembantu Terbaik,' bahagian wanita dimenangi oleh Noraini Hashim kerana perannya sebagai ibu dalam

drama 'Pulang' manakala Nuri Angkasa (Nordin Ahmad) untuk bahagian lelaki kerana wataknya sebagai Kembra dalam drama 'Menara Condong'.

Drama TV Terbaik dimenangi oleh Maznah Manan kerana skripnya 'O... Kali pertama Dan Terakhir,' tempat kedua Shahrom Mohd. Dom (S.M.Dee) yang menulis drama 'Pulang' dan Ismail Ariffin memenangi hadiah ketiga kerana cerita komi-

Salahguna wang \$1.25j: Abu Mansor dipenjara 4 tahun

KUALA LUMPUR, 8 April — Datuk Abu Mansor Basir, bekas Pengarah Urusan Bank Rakyat hari ini dijatuhi hukuman penjara empat tahun kerana menyalahgunakan wang \$1.25 juta kepunyaan Bank Rakyat untuk membeli batang besi bagi pembinaan bangunan Belmont di sini.

Datuk Abu Mansor yang mengaku bersalah terhadap tuduhan itu semalam, telah dijatuhi hukuman itu oleh Yang Dipertua Mahkamah Tengah Kanan, Encik P. M. Mahalingam. Hukuman itu bermula hari ini.

Ketika menjatuhkan hukuman, mahkamah telah memberi pertimbangan kepada satu lagi tuduhan terhadap Datuk Abu Mansor bersabit dengan penyalahgunaan sebanyak \$1.3 juta lagi wang kepunyaan Bank Rakyat.

Datuk Abu Mansor telah bersetuju supaya mahkamah memberi pertimbangan terhadap tuduhan tersebut di bawah Seksyen 171(A) Kanun Cara Jenayah. Timbalan Pendakwaraya, Encik T. S. Sambanthamurthi telah tidak membantah terhadap perkara itu.

Dalam kes bangunan Belmont itu Datuk Abu Mansor mengaku telah menyalahgunakan sejumlah \$1,250,860.63 wang kepunyaan Bank Rakyat antara 22 Mac hingga 9 April 1974.

Kes penyalahgunaan sebanyak \$1.3 juta itu dijangka dibicarakan dari 8 hingga 20 Mei. Datuk Abu Mansor melakukan kesalahan itu di Oversea Union Bank di sini pada 21 Disember 1972.

Perbicaraan kes Belmont, yang bermula dalam bulan Januari dijangka disambung semula kelayakan. Ia tidak diteruskan dan pada penghujung hari tersebut Datuk Abu Mansor mengaku bersalah.

Sebelum menjatuhkan hukuman yang akan bermula hari ini, Encik Mahalingam berkata dia kenal Datuk Abu Mansor dan isterinya, Datin Zaiton selama 12 tahun.

Datin Zaiton yang hadir sama dengan Penolong Peguambela, Encik Rajan Rajasooria dalam kes itu pernah

Oleh: A. RAHMAN OSMAN.

menjadi majistret.

Encik Mahalingam berkata: "Adalah sesuatu yang sangat sedih bagi saya menjatuhkan hukuman yang banyak ke atas seorang kawan."

"Saya dapat beresap hati dengan kenyataan bahawa tugas adalah mengatasi kawan."

Semasa merayu, Encik Rajan berkata, Datuk Abu Mansor yang mana kerja dan masa depannya telah hancur, terceder ke dalam apa yang dialaminya sekarang sebahagian besar ialah kerana salah pengertian tentang kuasa dan tugasnya selaku Pengarah Urusan Bank Rakyat.

Beliau menambah, keadaan telah dicampur pula dengan kabar dan kurang jelasnya perantaraan perkhidmatannya.

Sengsara

Encik Rajan berkata: "Kedua, dia terpaksa mengalami kepedihan dan kesengsaraan dalam satu percubaan yang panjang yang mana turut juga dirasakan oleh anggota-anggota keluarganya."

"Ketika, dia terpaksa mengalami kerugian kewangan yang besar termasuk pembeukuan semua hartanya yang dibuat atas permohonan Bank Rakyat yang mengemukakan tuntutan mal terhadap Datuk Abu Mansor bagi jumlah yang terlibat dalam kes Belmont."

Encik Rajan menambah, dia percaya Bank Rakyat akan mengemukakan satu lagi tuntutan mal terhadap Datuk Abu Mansor dalam kes sah KL—Kepong.

Mengenai soal hukuman, Encik Rajan menarik perhatian mahkamah terhadap hukuman penjara tiga tahun yang dikenakan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas Datuk Abu Mansor dalam kes Bank Rakyat.

Encik Rajan berkata sehingga pada masa sebelum kes Bank Rakyat timbul, Datuk Abu Mansor menjalani hidup yang menjadi contoh dan telah membuat sumbangan besar kepada Bank Rakyat dan masyarakat amnya.

"Sebahagian besar kerana usahanya maka Bank Rakyat berkecanggihan seperti yang ada hari ini daripada hanya sebuah syarikat kecil," katanya.

senyum kambing

ADA GOLONGAN CUBA PECAH BELAHKAN WANITA UMNO. KATA KAK AISHAH

LELAKI TAK?

3 juta keluarga pekebun kecil dapat faedah tanam semula

BANTUAN DITAMBAH LAGI



DATUK Hussein tersenyum menatap potretnya sendiri yang dihadiahkan oleh Ketua Pengarah RISDA, Dr. Mohd. Nor Abdullah (tengah), sementara Menteri Perusahaan Utama, Datuk Amar Talib Mahmud menghulurkan tangan bagi mengucapkan tahniah.

KUALA LUMPUR 8 April — Kerajaan sedang menimbangkan penubuhan satu skim pelaburan pekebun-pekebun kecil di samping menambah bantuan menanam semula untuk faedah seramai tiga juta orang keluarga pekebun kecil getah, Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, mengumumkan hari ini.

Beliau menegaskan, skim pelaburan itu bertujuan membolehkan pekebun-pekebun kecil getah mengambil bahagian dalam kegiatan penanaman modal, bukan saja dalam sektor getah bahkan dalam sektor-sektor ekonomi yang lain yang sedang berkembang.

Katanya, kerajaan sedang mengkaji cadangan bagi menanam-

bagi bantuan menanam semula bagi menampung kenaikan perbelanjaan untuknya sekarang ini. Bantuan sekarang ini berjumlah \$900 sekarang bertambah dari \$450 sekarang yang diberi di masa lalu.

Berucap merasmikan Persidangan Pekebun Kecil Getah '78 — yang merupakan kemuncak perayaan Minggu Pekebun Kecil — di sebuah hotel terkemuka di sini, pagi ini, Perdana Menteri juga mengumumkan:

- Lebih kurang 10,000 biasiswa kecil telah diperuntukkan bagi tahun ini untuk menampung belanjawan persekolahan anak-anak pekebun kecil yang miskin.
- Sepuluh buah lagi asrama untuk kemudahan anak-anak pekebun kecil akan dibina di tempat-tempat pedalaman seperti Kuala Brang, Baling dan Sik tahun ini untuk menampung 500 orang pelajar dari anak-anak pekebun kecil.

"Adalah menjadi hasrat dan cita-cita kerajaan supaya dapat mewujudkan masyarakat pekebun kecil yang maju, makmur dan berdaya," tegas Datuk Hussein Onn.

"Skim pelaburan yang dirancang itu akan memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil membeli saham bukan saja di dalam sektor getah bahkan juga di dalam sektor-sektor ekonomi yang lain yang sedang berkembang."

Imelda alahkan Aquino

MANILA 8 April — Parti Gerakan Masyarakat Baru yang diketuai oleh Puan Imelda isteri Presiden Ferdinand E. Marcos memenangi kesemua 21 kerusi di Bandaraya Manila hasil pilihannya semalam.

Presiden Marcos yang mengumumkan kejayaan parti pimpinan isterinya itu mensifatkan keputusan itu sebagai satu kemenangan bersih bagi keseluruhan 21 orang calon lelaki dan wanita yang bertanding.

Beliau berkata, bekas Senator Benigno Aquino calon pembangkang yang sedang dalam tahanan menduduki tempat yang ke-22. Beliau juga meramalkan calon Gerakan Masyarakat Baru yang beroleh undi paling kecil, akan mendapat lebih 300,000 undi dari calon pembangkang yang memperoleh undi terbanyak.

Bagaimanapun, Presiden Marcos tidak memberi sebarang angka dan setakat ini tidak satupun keputusan diterima dari sumber lain. Menurut, adalah jelas pada jam 2 pagi ini kesemua calon parti kerajaan telah menang dan isterinya

sendiri beroleh undi yang terbanyak dari lain-lain calon.

Sebelum itu, sebuah badan penyusunan bebas yang dianjurkan oleh Jaycee Manila mensensasikan lima orang calon pembangkang, termasuk Senator Aquino di antara 21 orang yang beroleh

undi terbanyak, tetapi usaha menyusun itu dibatalkan malam tadi.

Menurut Presiden Marcos 60 hingga 70 peratus undi di kawasan Manila diperolehi oleh partinya. Pihak pembangkang mendakwa kejayaan itu hasil perbuatan menipu dan mengugut. — Agensi.

SAMAN PADA DATO' HARUN TAK DAPAT DISAMPAIKAN

KUALA LUMPUR 8 April — Mahkamah Tengah di sini hari ini diberitahu bahawa saman dalam tuntutan mal bagi sejumlah \$9,115 yang dibuat oleh sebuah syarikat pelancungan tidak dapat diserahkan kepada Dato' Haji Harun Idris, seorang dari dua orang defendan dalam tindakan itu.

Peguambela bagi Raya Travel Sdn. Bhd. Encik Chua Liang Hong berkata, saman itu tidak dapat diserahkan kepadanya.

Syarikat tersebut menuntut \$9,115.63 sebagai hutang yang belum dijelaskan bagi tiket-tiket kapal terbang pergi balik dari Kuala Lumpur ke Manila yang dikatakan dikeluarkan kepada Dato' Harun selaku Yang Dipertua Persekutuan Lumba Basikal Malaysia dan Encik Shaharuddin Jaafar, setiausahaanya.

Encik Darshan Singh Gill, peguambela Encik Shaharuddin memberitahu mahkamah bahawa keterangan orang yang dibelanya telah pun dicatitkan, dan beliau meminta ditetapkan tarikh perbicaraan itu.

Yang Dipertua Mahkamah, Puan Siti Norma bagaimanapun menetapkan 13 Mei sebagai tarikh kes itu disebut semula di mahkamah supaya saman itu dapat diserahkan kepada Dato' Harun dan juga untuk menetapkan tarikh perbicaraan. — Bernama.

Beliau menegaskan pentingnya RISDA mendekatkan diri bagi mendapatkan kerjasama dan khidmat kemahiran, dengan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan lainnya, seperti Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Jabatan-jabatan Pertanian, Perikanan, Haiwan dan juga MARDI.

Perdana Menteri berharap setiap agensi dan jabatan kerajaan benar-benar memahami hakikat ini dan hendaklah menjalankan tugas dan peranan masing-masing dalam suasana persahabatan dan kerjasama.

Ketua Pengarah RISDA, Dr. Mohamed Nor Abdullah, berkata persidangan tersebut bertujuan melibatkan para pekebun kecil dalam perancangan dan penilaian projek-projek untuk mereka.

Haji Harun Lazim bagi pihak pekebun kecil menyampaikan kepada Datuk Hussein sebuah lukisan menggambarkan seorang pekebun kecil sedang menoreh getah.

Dr. Mohamed Nor pula bagi pihak RISDA menghadiahkan kepada Perdana Menteri sebuah lukisan potret beliau.

RAMALAN SOALAN PEPERIKSAAN TAHUN 1978

Disusun oleh guru-guru yang pakar dalam soalan peperiksaan Institut ZARA dengan ramalan terbaru dalam Bahasa Malaysia.

SUJIL TINGGI PERSEKOLAHAN

Bahasa Malaysia Kertas 1	\$1.50 ()
Bahasa Malaysia Kertas 2	\$1.50 ()
Ekonomi Kertas 1	\$1.50 ()
Ekonomi Kertas 2	\$1.50 ()
Sejarah Kertas 6	\$1.50 ()
Sejarah Kertas 15	\$1.50 ()
Kertas Am (B.Malaysia)	\$1.50 ()

SUJIL PELAJARAN MALAYSIA

Bahasa Malaysia Kertas 1	\$1.50 ()
Bahasa Malaysia Kertas 2	\$1.50 ()
Ilmu Alam Kertas 1	\$1.50 ()
Ilmu Alam Kertas 2	\$1.50 ()

SUJIL RENDAH PELAJARAN

Bahasa Malaysia	\$1.50 ()
Ilmu Hisab Moden	\$1.50 ()
Sains Panduan	\$1.50 ()
Tawarikh	\$1.50 ()
Ilmu Alam	\$1.50 ()
Pengetahuan Agama Islam	\$1.50 ()

Pengurus, Institut ZARA, Peti Surat No. 2, Petaling, Kuala Lumpur.

Bersama ini saya sertakan MO/PO/Tunai sebanyak \$..... untuk kertas-kertas yang bertanda (x).

Nama:

Alamat:

KURSUS JAHITAN

Kursus cara baru anika fesyen pakaian wanita (Timur Barat). Guru-guru penuh pengalaman. Ramai sudah berjaya. Penerangan mudah, rajah-rajah, dasar-dasar (potongan kertas) akan dikirim. Boleh ikuti melalui gaya pos atau datang sendiri.

(Kalau pelajaran tak sampai dalam tempoh yang dijanjikan, hubungi kami segera).

Anda boleh minta penerangan percuma dengan menggunakan borang di bawah ini:

Kepada
Pengelola Sekolah Gaya Pos Jahitan
NORIZA FESYEN
No.30-4A, Jalan Raja Alang
Kampung Bharu, K.Lumpur

Nama:

Alamat:

Tanda tangan

Tolong kiriman kertas penerangan percuma kepada saya dengan seberapa segera.

Mohd. Nasir dilantik Senator

KOTA BHARU 8 April — Datuk Haji Mohamad Nasir, wakil Berjasa kawasan Tenggara hari ini dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai ahli Dewan Negara (Senator) mewakili Kerajaan Kelantan.

Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yusoff mengemukakan usul tersebut dan disokong oleh Timbalan Menteri Besar, Encik Hussein Ahmad. Dewan tersebut memulakan sidang tiga hariannya hari ini.

Sebelum itu, Dewan memilih sebuah suara Encik Daud Yatimi bin Ahmad [Berjasa — Tok Uban] sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan yang baru. Usul mengemukakan juga dibentangkan oleh Datuk Haji Mohamad Yusoff dan disokong oleh Encik Hussein Ahmad.

Ketika menyokong usul itu Encik Hussein Ahmad berkata usul

LIHAT MUKA 16 (Ruang 6)

RAMALAN CUACA

BERIKUT ialah ramalan cuaca untuk hari ini (9 April) dari jam 7.00 pagi hingga jam 7.00 malam bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

Pagi: Hujan dengan turun di kawasan pantai di Nagai-Nagai Selangor, Nagai Sembilan, Melaka dan Johor. Berti pada awal pagi. Laila-laila tempat cuaca cerah.

Petang: Hujan petang dan hujan semestara dijangka berlaku di seluruh tempat di kawasan pedalaman di Nagai-Nagai Perak, Selangor, Pahang dan Johor pada lewat petang. Laila-laila tempat cuaca cerah baik.